

Beri peluang ahli Kabinet bincang

BH - 2/2/2020 m/d: 9

Komponen PH terbuka isu pelaksanaan semula PPSMI

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Audrey Dermawan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Anggota Kabinet perlu diberi peluang membincangkan cadangan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk memperkenalkan semula Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) kerana selama ini dasar itu ditolak pemimpin parti komponen dalam Pakatan Harapan (PH).

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, yang juga Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (AMANAH), berkata pada dasarnya parti itu menolak PPSMI tetapi terbuka untuk berbincang mengenainya, memandangkan cadangan berkenaan belum dibawa ke peringkat Kabinet.

"Pada dasarnya, pendirian AMANAH berhubung dengan

PPSMI adalah kami tidak bersejua, kecuali ada hujah yang kukuh untuk membuktikan sebaliknya.

"Kita terbuka untuk perbincangan, kita nak tengok apa yang dicadangkan. Jika benar pengajaran PPSMI nak dilakukan (semula) maka kita nak dengar hujah di sebaliknya," katanya selepas melepaskan konvoi 1,500 motosikal anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan Ke-16 di Dataran Merdeka, semalam.

Mengulas lanjut, Khalid percaya, PPSMI akan menambah kesukaran kepada pelajar tempatan menguasai kedua-dua mata pelajaran berkenaan.

Jelasnya, jika kerajaan berhasrat memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, langkah terbaik adalah menambah waktu pengajaran dan pembelajaran bahasa itu.


"Dalam keadaan pelajar susah untuk faham Sains dan Matematik dalam bahasa ibundanya, akan bertambah sukar bagi mereka belajar menggunakan bahasa asing.

"Lebih baik kamu beritahu penduduk di kampung yang kita akan ajar Matematik dan Sains dalam bahasa Mandarin. Kesannya sa-

ma kerana mata pelajaran yang susah difahami, perlu diajar dalam bahasa yang mudah difahami," katanya.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata Kabinet belum membuat sebarang keputusan mengenai cadangan memperkenalkan semula dasar PPSMI.

Beliau yang juga Setiausaha Agung DAP, berkata isu itu pernah dibincangkan dalam Kabinet pada awal tahun lalu, tetapi tiada sebarang keputusan dibuat kera-

 **Jika kerajaan berhasrat memperkukuh penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, langkah terbaik adalah menambah waktu pengajaran dan pembelajaran bahasa itu.**

Khalid Abdul Samad,
Menteri Wilayah Persekutuan

na laporan yang dibentangkan tidak komprehensif.

Bagaimanapun Guan Eng percaya pengumuman dibuat Perdana Menteri itu merujuk kepada Program Dwibahasa (DLP) dilaksanakan secara sukarela dan memberi pilihan kepada ibu bapa.

"Saya perlu mendapat pengesahan lanjut daripada Perdana Menteri. Saya percaya cadangan Perdana Menteri adalah untuk memperkukuhkan pengajaran Sains dan Matematik," katanya.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata cadangan pelaksanaan semula PPSMI dicetuskan Dr Mahathir itu wajar dibincangkan dalam Kabinet.

"Biar depa (mereka) bincangkan (PPSMI) di Kabinet," katanya yang enggan mengulas lanjut selepas Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina PKR peringkat Kebangsaan di Padang Kota Lama, di sini, malam kelmarin.

Setiausaha Agung PKR yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail pula, berkata cadangan perlu dibincangkan pada peringkat parti itu kerana dahulu PKR membantah dan menggesa pemansuhan dasar terbabit.

Perdana Menteri ketika mesyuarat khas bersama Kumpulan Pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia di Putrajaya kelmarin, menekankan perlunya menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik.

Dr Mahathir, yang juga pemangku Menteri Pendidikan, berkata ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dan penguasaan bahasa itu dalam sistem pendidikan negara.

Dasar PPSMI diperkenalkan pada 2003 digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) secara berperingkat mulai 2010.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menyifatkan cadangan pelaksanaan semula PPSMI adalah keputusan yang tidak mengambil kira pelbagai faktor, termasuk lapisan masyarakat, terutama pelajar luar bandar.

"Ketika PPSMI dijalankan pada 2003 hingga 2010, sebanyak 80 peratus kemerosotan pembelajaran di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah hingga kerajaan terpaksa membatalkannya pada tahun 2011," katanya.